

 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	LEMBAGA PEPERIKSAAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)		
	Syarat dan Format Peperiksaan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO)		
	No. Dokumen	Tarikh	Muka Surat
	600-6-12/3A	26.06.2025	1/3

1. Syarat Kemasukan

1.1. Syarat Am

- 1.1.1. Warganegara Malaysia; **DAN**
- 1.1.2. Boleh berkomunikasi secara lisan dan menulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris; **DAN**

1.2. Syarat Khusus

- 1.2.1. Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) atau sijil yang setaraf diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA):
 - a) SPM sebelum tahun 2000 - minimum pangkat 3; **ATAU**
 - b) SPM selepas tahun 2000 (Sijil Terbuka):
 - i. Sekurang-kurangnya enam (6) mata pelajaran; **DAN**
 - ii. Lulus sekurang-kurangnya gred 6C dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris & Matematik; **DAN**
 - iii. Lulus sekurang-kurangnya gred 8E dalam mana-mana mata pelajaran Sains atau Fizik atau Kimia atau Biologi; **DAN**
 - iv. Lulus dua (2) mata pelajaran lain. **ATAU**
- 1.2.2. Mempunyai Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dalam aliran Sains; **ATAU**
- 1.2.3. Diploma Kolej Vokasional yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); **ATAU**
- 1.2.4. Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran; **ATAU**
- 1.2.5. Kelayakan tertinggi sekurang-kurangnya Diploma (termasuk Diploma Lanjutan, Diploma Eksekutif, Diploma Profesional) dalam mana-mana bidang yang diiktiraf oleh MQA / Lembaga Akreditasi Negara (LAN); **DAN**
- 1.2.6. Telah melengkapkan kursus Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) anjuran Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) yang diiktiraf oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

- 1.3. Bermula 1 Januari 2024, peserta kursus perlu menduduki peperiksaan pertama dalam tempoh **satu (1) tahun** dari tarikh tamat kursus.

 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	LEMBAGA PEPERIKSAAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)					
	Syarat dan Format Peperiksaan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO)					
	No. Dokumen	Tarikh		Muka Surat		
	600-6-12/3A	26.06.2025		2/3		

2. Format Peperiksaan

Komposisi kertas peperiksaan adalah seperti berikut:

KERTAS	BAHAGIAN	FORMAT	JUMLAH SOALAN	MASA	PEMBERAT	MARKAH LULUS	YURAN
1	A	Soalan Aneka Pilihan	60	1 jam 30 minit	50%	50%	RM350
	B	Soalan Struktur	3	2 jam	50%	50%	
		Soalan Esei	1				
2*	A	Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA)	-	-	100%	55%	RM150
	B	Pembentangan	-	10 minit	100%	55%	RM250
		Sesi Soal & Jawab	-	20 minit			
3	-	Stesen Kemahiran	10	1 jam	100%	55%	RM200
JUMLAH							RM950

NOTA:

*Kertas 2

- Calon baharu perlu menduduki kedua-dua bahagian Kertas 2 (Bahagian A dan Bahagian B) dalam satu sesi peperiksaan yang sama.
- Calon yang gagal Kertas 2 perlu mengulang mana-mana bahagian yang gagal sahaja (Bahagian A atau Bahagian B).
- Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA) perlu dihantar secara dalam talian. Rujuk Garis Panduan Tugas Tempat Kerja.

 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	LEMBAGA PEPERIKSAAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)		
	Syarat dan Format Peperiksaan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO)		
	No. Dokumen	Tarikh	Muka Surat
	600-6-12/3A	26.06.2025	3/3

3. Bahasa

- 3.1. Kesemua soalan adalah dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- 3.2. Kesemua jawapan perlu dijawab dalam salah satu pilihan bahasa sahaja.

4. Peperiksaan Ulangan

- 4.1. Bermula 1 Januari 2024, tiada had untuk mengulang dan calon perlu melengkapkan peperiksaan dalam tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh peperiksaan pertama.
- 4.2. Sekiranya calon gagal atau tamat tempoh **dua (2) tahun** untuk melengkapkan peperiksaan, calon hendaklah menduduki kursus *Safety and Health Enrichment Program* (SHEP) dan mengulang kertas yang gagal sahaja.

5. Sijil Kelayakan

Sijil Kelayakan akan diberikan kepada calon yang lulus peperiksaan.

Disediakan oleh :

Sekretariat
 Jawatankuasa Kompetensi Pegawai Keselamatan dan Kesihatan
 Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)
 d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan (ECD)
 NIOSH

Tarikh kelulusan Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) : 26 Jun 2025
 Tarikh kuat kuasa : 1 Januari 2026